



PELEPASAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

Offspring, unit penjagaan kesihatan Sedania, melebarkan sayap ke benua Afrika

Sorotan Utama:

- Tempahan pertama dari Togo dan Nigeria untuk produk-produk “sustainable” Offspring
- Perkembangan ini menandakan permulaan bagi Offspring dalam pasaran Afrika

KUALA LUMPUR, APRIL 12 2022 - Offspring Inc. Sdn. Bhd. (“Offspring”), anak syarikat SEDANIA Innovator Berhad (“Sedania” atau “Kumpulan”) melebarkan sayapnya di pasaran antarabangsa, selepas menerima tempahan pertama untuk mengeksport produk-produk penjagaan kesihatannya yang “sustainable” ke Togo dan Nigeria.

Pencapaian terbaru ini menepati aspirasi global Offspring memandangkan ia sudah mempunyai kehadiran di benua lain seperti Eropah, Amerika Utara dan Asia.

Ketua Pegawai Eksekutif Offspring Roslan Ismail berkata, “Tempahan pertama dari Togo dan Nigeria menandakan kemajuan dalam rancangan Offspring untuk bertapak di Afrika, yang merupakan benua kedua terbesar dan mempunyai penduduk paling ramai.

“Togo dan Nigeria merupakan langkah permulaan kami di Afrika. Penghantaran yang berjaya pada masa akan datang dijangka akan melonjakkan jenama kami di Afrika sekali gus meletakkan Offspring pada kedudukan strategik untuk menarik peluang urus niaga di benua itu.

“Kami optimistik untuk menembusi pasaran Afrika dan yakin produk kami akan memenuhi keperluan penjagaan kesihatan rakyat Afrika, dengan jumlah populasi Togo dan Nigeria kini adalah 8.7 juta dan 215.1 juta orang.

“Pencapaian ini juga merupakan batu loncatan bagi Offspring untuk meraih peluang perniagaan di benua tersebut, yang mana ia akan disokong oleh rancangan kami untuk memperkenalkan produk organik lain sebaik jenama Offspring mula berkembang di Afrika.”



Offspring memasarkan dan mengeksport rangkaian produk penjagaan kesihatan berasaskan pencegahan. Ia merangkumi produk bayi yang selamat, semula jadi dan mesra alam seperti lampin, tisu basah berasaskan tumbuhan, dan keperluan isi rumah. Semua produk ini dihasilkan menggunakan bahan yang tidak membahayakan alam sekitar serta mendorong kepada pelepasan karbon yang rendah.

- Tamat -

Mengenai SEDANIA Innovator Berhad

Sedania Innovator Berhad adalah syarikat pemegang pelaburan dengan tumpuan dalam perniagaan yang lestari. Sejak penyenaaraiannya pada 2015 di ACE Market di Bursa Malaysia, Sedania telah melabur dalam perniagaan inovatif yang membawa kepada pengurangan pelepasan karbon dan menggalakkan kelestarian.

Sedania melabur dalam kelestarian tenaga masa hadapan pelanggan korporatnya dengan membiayai dan menggunakan penyelesaian kecekapan tenaga dan sistem tenaga boleh diperbaharui yang sehingga kini menjimatkan lebih 66 gigawatt-jam dan RM30 juta dalam kos tenaga pelanggan.

Bagi pengguna, Sedania menawarkan produk penjagaan kesihatan yang mengurangkan pelepasan karbon melalui pemilihan bahan mesra alam dan bahan terbiodegradasi. Lebih 150 produk dijual di bawah jenama Offspring dalam talian dan melalui kedai runcit terpilih di lebih 20 negara di seluruh dunia.

Kami adalah Innovator. Kami meningkatkan kehidupan secara lestari. Log masuk ke www.sedaniainnovator.com untuk mengetahui lebih lanjut tentang inovasi lestari kami..

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Doreenn Leong

Tel: 03-7880 2001 / +6012 2121 620

E-mel: doreenn.leong@sedaniainnovator.com